

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratus bukan Bumiputera telah dipilih memasuki pengajian Matrikulasi pada 5 tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan bahawa 10 peratus tempat dalam Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia adalah kepada pelajar bukan bumiputera mulai tahun 2002. Kuota pengambilan tersebut masih dikekalkan sehingga kini. Sebanyak 10 peratus daripada keseluruhan tempat dalam Program Matrikulasi telah ditawarkan kepada pelajar bukan bumiputera yang terpilih bagi setiap tahun sepanjang 5 tahun yang lepas.